

## RINGKASAN KEPUTUSAN RAYUAN

### NO. RAYUAN TRK (K) 9-2014

#### FAKTA KES

1. Perayu adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang diperbadankan pada 9 September 2009. Perayu beroperasi sebagai Gudang Pengilangan Berlesen (GPB).
2. Melalui Bil Tuntutan bertarikh 28 April 2014 yang dikeluarkan oleh Pengarah Kastam Negeri, Selangor di bawah seksyen 65A(3)(a) Akta Kastam 1967, Perayu dikehendaki membayar duti import sebanyak RM305,994.53 (10% atas hasil jualan tempatan bernilai RM3,059,945.30) kerana gagal mengikrar dalam Borang Kastam No. 9 dan mengutip duti import berkait jualan barang siap kepada syarikat tempatan yang tidak layak mendapat pengecualian duti import. Tuntutan tersebut berbangkit dari penjualan *plastic polypropylene resins* di mana pembeli tempatan dikenakan duti import sebanyak 10%. Untuk keluaran *plastic polypropylene resins* tersebut, Perayu memperolehi bahan mentah sisa plastik dari pasaran tempatan.
3. Pada pemahaman Perayu, GPB adalah kemudahan yang disediakan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) untuk pelesen menikmati pelepasan duti import. Manakala cukai jualan dan duti import sepatutnya dikenakan jika bahan mentah diimport. Disebabkan Perayu memperolehi bahan mentah dari pasaran tempatan, maka persoalan dikenakan cukai jualan dan duti import tidak berbangkit. Perayu berpendapat cukai jualan dan duti import sepatutnya dikenakan hanya jika bahan mentah diimport.
4. Di pihak JKDM, jualan tempatan oleh GPB masih tertakluk kepada cukai jualan dan duti import kerana jualan tempatan barangan keluaran GPB terjumlah kepada pengimportan barangan tersebut.

5. Perayu telah menghantar Penyata Bulanan GPB yang mengandungi rekod aktiviti pergerakan bahan mentah dan barang siap dijual serta baki kepada JKDM pada setiap bulan. Penyata Bulanan tersebut juga menyatakan dengan jelas jualan tempatan yang telah dibuat oleh Perayu. Oleh itu Perayu mempertikaikan kewajaran tindakan JKDM yang membuat tuntutan selepas 10 bulan Penyata Bulanan tersebut diterima oleh JKDM.

## **ISU**

1. Adakah keputusan Pengarah Kastam Negeri, Selangor di dalam Bil Tuntutan bertarikh 28 April 2014 merupakan keputusan Ketua Pengarah Kastam.
2. Pelanjutan masa untuk pemfailan rayuan di mana Notis Rayuan difailkan dengan kelewatan 26 hari.
3. Kewajipan membayar duti import yang dituntut berdasarkan peraturan 4, Peraturan-Peraturan Kastam (Tribunal Rayuan) 2007. Permohonan pembayaran secara ansuran bulanan telah diluluskan pada 19 Mei 2014.
4. Sama ada duti import perlu dibayar di mana bahan mentah diperolehi dari pasaran tempatan oleh GPB dan keluaran siap dijual di pasaran tempatan.

(Rayuan ini ditetapkan untuk sebutan sebanyak enam kali berdasarkan permohonan Perayu atas alasan Perayu ingin mengkaji beberapa perkara berkaitan dengan rayuan ini termasuk rayuan kepada Ketua Pengarah Kastam dan Menteri Kewangan. Sebelum tarikh sebutan pada 13 Januari 2015, Perayu telah menulis surat kepada Tribunal memohon untuk menarik balik rayuan atas alasan Perayu belum membayar duti import yang dituntut seperti yang dikehendaki di bawah peraturan 4, Peraturan-Peraturan Kastam (Tribunal

Rayuan) 2007. Melalui surat bertarikh 12 Januari 2015, Tribunal telah memaklumkan kedua-dua pihak bahawa rayuan ini dibatalkan)

## **KEPUTUSAN**

Rayuan dibatalkan.

12 Januari 2015